

23/04/1997

Lebuhraya pesisir pantai atasi masalah lalu lintas

GEORGETOWN, Selasa - Pelaksanaan dua projek gergasi membabitkan pembinaan lebuhraya di pesisir pantai di bahagian pulau dijangka dapat mengatasi masalah kesesakan lalu lintas yang makin meruncing di Pulau Pinang.

Ketua Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon, berkata pembinaan lebuhraya itu yang menghubungkan bahagian Utara di Pengkalan Weld dan bahagian Selatan di Batu Maung mampu mengagihkan perjalanan lalu lintas dengan lebih cekap.

Beliau berkata, pembinaan dua lebuhraya berkenaan di atas tanah tebus guna iaitu lebuhraya Bayan Lepas sepanjang 9.2 kilometer yang sudah siap dibina dan lebuhraya Jelutong sepanjang 4.7 kilometer dijangka mampu mengatasi masalah itu.

Menurutnya, pembinaan lebuhraya Bayan Lepas dan Jelutong sudah dirancang serentak dengan pembinaan jambatan Pulau Pinang, bagaimanapun ia tertangguh disebabkan beberapa masalah teknikal.

"Sehubungan itu, dengan pembinaan dua lebuhraya berkenaan dapat mengagihkan kenderaan yang makin meningkat khususnya di bahagian pulau dengan lebih lancar dan cekap," katanya pada majlis perasmian pembukaan lebuhraya Bayan Lepas, di sini hari ini.

Lebuhraya Bayan Lepas berharga RM90 juta itu, dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed.

Dalam majlis yang sama Perdana Menteri turut menyaksikan majlis menandatangani perjanjian pembinaan lebuhraya Jelutong antara kerajaan negeri dengan Jelutong Development Sdn Bhd (JDSB).

Lebuhraya Jelutong berharga RM300 juta itu dijangka siap dalam tempoh tiga tahun.

Dr Koh berkata, sehubungan itu, kerajaan negeri kini dalam proses merangka satu pelan induk lalu lintas membabitkan kawasan yang dikenal pasti di bahagian pulau dan Seberang Prai untuk menyediakan satu sistem lalu lintas yang lebih berkesan.

Menurutnya, pergerakan lalu lintas perlu dilihat dengan teliti seiring dengan kemajuan komersil dan penambahan bilangan penduduk. Ketika ini, ada 1.5 juta kenderaan yang berdaftar di negeri ini dengan kadar pertumbuhan sebanyak 50,000 kenderaan baru setiap tahun.

"Memandangkan Pulau Pinang adalah juga antara destinasi pilihan yang paling digemari pelancong sama ada dari dalam dan luar negara adalah penting keperluan perkhidmatan dan prasarana itu memenuhi kehendak semasa dan masa depan," katanya.

Sementara itu, katanya, pembangunan tebus guna tanah di negeri ini akan mengambil kira aspek sosial, alam sekitar dan kawasan rekreasi rakyat bagi memastikan ia memberi manfaat kepada semua pihak.

Beliau berkata, selain mengambil kira kesan pembangunan ekonomi Pulau Pinang, berikutan pembangunan di atas tanah tebus guna, kerajaan negeri mahu memastikan ia tidak menjejaskan penduduk.

Sehubungan itu, katanya, kerajaan negeri turut membina beberapa kemudahan nelayan yang terjejas dalam projek tebus guna tanah itu termasuk kompleks nelayan dan kawasan penjaja.

(END)